

Qalam

Majalah bulanan terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 15 – Zulhijjah 1370 – Oktober 1951 – 60 sen.

PERHATILAH

Parti Kemerdekaan Malaya telah diasas atau ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 16 September 1951 di Hotel Majestic dengan anjuran dan tajaan Dato' Onn bin Jaafar yang dahulunya terkenal kepada orang-orang Melayu sebagai Hang Tuah dalam masa memperjuangkan Malayan Union di dalam mana orang-orang Melayu telah dapat bersatu padu di antara satu dengan lain untuk mendirikan hak mutlak orang Melayu dalam negerinya yang kemudian dasar itu dialih dengan menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada 1 Februari 1948 oleh Raja-raja Melayu di dalam mana Dato' Onn telah mengagung-agungkan langkah itu sebagai suatu kejayaan oleh kerana di dalamnya termaktub suatu janji pihak kerajaan Inggeris akan melatih orang-orang Melayu bagi melayakkan diri mereka memerintah di dalam negerinya sendiri yang diakui negeri Melayu ini ialah negeri mereka. Sesudah berjalan semuanya itu maka timbul pula suatu masalah untuk menentukan setakat mana memberi hak kepada anak-anak dagang yang ada banyak di dalam negeri ini dan dengan demikian timbulah masalah meletakkan kerakyatan di dalam mana telah menjadi suatu sebab perselisihan faham yang hebat di antara Dato' Onn dengan pengikut-pengikutnya di dalam UMNO sehingga ia menarik diri lalu merancangkan suatu tajaan Parti Kemerdekaan Malaya yang tersebut sehingga telah tertubuh itu yang di dalamnya memberi persamaan hak kepada anak-anak dagang sehingga orang-orang Melayu hairan dan takjub dengan gerak yang tersebut oleh kerana mereka terfikir bahawa bagaimana tergemarkan suatu tenaga yang begitu berharga kepada orang Melayu telah menukar haluannya kepada suatu langkah yang tidak digemari dan tidak disangka-sangka oleh orang-orang Melayu dan sebab itulah barangkali boleh dikata hampir semua orang-orang Melayu sekata memandang bahawa cita-cita kemerdekaan yang dianjurkan

oleh Parti Kemerdekaan Malaya itu dengan menjadikan satu rupa bangsa itu merampas hak dan menghilangkan bangsa Melayu daripada buminya sendiri dan akan menjadilah keadaannya sebagaimana kedudukan orang-orang Melayu di Singapura dahulunya ia yang menjadi beras tetapi sekarang tinggal menjadi antah boleh dipilih dengan jari.

Dahulunya orang-orang Melayu di Singapura itu sebagai tuan rumah, tinggal di dalam rumah tetapi sekarang mereka itu sudah ke tepi tinggal menjadi tukang kebun dan sebab itulah kebanyakan orang-orang Melayu memandang bahawa langkah memberikan hak yang sama dan menukar rupa bangsa kepada bangsa Malayan atau Malaya itu tidak berfaedah kepada bangsa Melayu bahkan meletakkan orang-orang Melayu di dalam persaingan dengan anak-anak dagang sebagai persaingan kapal terbang jet dengan kereta lembu.

Orang-orang Melayu dari dahulu tidak menafikan bahawa anak-anak dagang yang bermastautin di sini dan mengaku menjadi kerakyatan di sini adalah patut diberi tempat dan diberi hak tetapi tidaklah mereka itu yang menetapkan hak-hak yang mana yang mesti diambil mereka dan tidaklah patut sekali-sekali mereka yang mula-mulanya datang menumpang itu terus bersama-sama serumah, makan sepinggan dengan tidak berkecuali lagi pada hal yang punya rumah itu diakui dari dahulu ialah orang Melayu yang sepatutnya ia menentukan tempat mana untuk mereka itu dan tempat mana yang mesti dipegang oleh mereka dan perbuatan yang melampau-lampau berbuat baik dan disuruh pilih sama-sama memfaraid hak orang Melayu itu sebagaimana yang dianjurkan oleh Onn adalah bersalah dan tidak patut sama sekali Walau pada apa undang-undang jua pun sedang pepatah Melayu Sendiri memberi amaran dan memberi ingat dengan mengatakan: "Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali".

Di dalam langkah mendirikan Parti Kemerdekaan Malaya ini sudah tentu direbut oleh anak-anak dagang oleh kerana di sana terdedah satu perkara yang luas untuk menentukan dan menyampaikan kehendak-kehendak anak-anak dagang itu meletakkan tiap-tiap seorang berhak di dalam negeri ini di dalam masa tiap-tiap sebuah negeri di Persekutuan Tanah Melayu itu belum menentukan siapakah di antara mereka yang berhak mendapat hak kerakyatan

BUNGA RAJAH PERFUME

**YANG MENAWAN HATI
AIR WANGI BUNGA RAJA**

A black and white advertisement for Bunga Rajah Perfume. At the top, the brand name 'BUNGA RAJAH PERFUME' is written in large, bold, capital letters. Below it, the slogan 'YANG MENAWAN HATI AIR WANGI BUNGA RAJA' is displayed in a smaller box. To the left of the slogan is a rectangular bottle of perfume with a dark cap. The bottle has some text and a crest on it. Behind the bottle, there are three lines of text in Chinese, Tamil, and English. To the right of the bottle is a stylized illustration of a woman with wavy hair, smiling and holding the bottle. The background is dark and textured.

ROBINSON & CO., LTD.
 (Tertubuh di Singapura) Raffles Place, Singapore.

Harga \$3.00 Sebotol
 Boleh didapati daripada:

yang ditentukan oleh orang yang mempunyai negeri ini iaitu yang menjadi masalah yang dituntut oleh mereka dengan sangat luasnya. Oleh sebab itulah nampaknya Tengku Abdul Rahman Yang di-Pertua UMNO baharu bertanya: 'Siapakah bangsa Malayan?' Pertanyaan itu sudah tentu terbitnya kerana ia tidak menampak ada sesuatu sempadan yang telah diberi untuk menentukan siapa mereka itu.

Dengan sebab yang melangkahkan itu seorang Melayu yang diakui tenaga dan pengaruhnya sangat kuat dan besar maka pemergiannya menyebelahi kepada maslahat yang bukan maslahat orang-orang Melayu adalah sangat-sangat mendukacitakan dan merugikan kepada orang-orang Melayu tetapi disebalik itu ada pula kesyukurannya bahawa orang Melayu telah menampak dan mengetahui ke mana hala yang akan dituju oleh pengasas Parti Kemerdekaan Malaya itu dan pengorbanan apa yang telah diberinya kepada bangsa Melayu hingga hari ini pada hal pengorbanan yang diberi oleh orang yang menggantikan tempatnya untuk memimpin orang Melayu adalah sangat besar yang dilakukan dengan perbuatan-perbuatan bukan dengan cakap yang menunjukkan bahawa pengorbanan itu sangat berharga dan patut dihargakan oleh orang-orang Melayu.

Ia meletakkan jawatannya yang tinggi dan menghilangkan maslahat-maslahat yang patut didapati oleh dirinya pada masa yang akan datang.

Dengan sebab-sebab itu maka di dalam tiap-tiap kejadian orang-orang Melayu janganlah mudah terpengaruh. Langkah kemerdekaan yang dituju oleh Parti Kemerdekaan Malaya itu patut diketahui oleh orang-orang Melayu dengan jelas dan terang maslahatnya bukan untuk orang Melayu tetapi adalah bagi anak-anak dagang. Bangsa Melayu akan hilang hak dan maslahat mereka difaraid bersama dan akhirnya orang Melayu di dalam Semenanjung Tanah Melayu akan menjadi sebagai orang Melayu di Singapura dan sebahagian bandar-bandar yang besar di Tanah Melayu iaitu tanda-tanda yang zahir dengan tepatnya yang patut ditauladani dan diperhati dan sebab itu patutlah bagi orang-orang Melayu menimbang dan menghalusi bahawa yang demikian itu berfaedahkah kepadanya atau tidak atau adakah yang demikian merbahaya kepadanya hari ini dan akan datang supaya mereka jangan tercebur menyertai suatu gerak yang merugikan kepada orang-orang Melayu walaupun gerak itu dijalankan oleh orang Melayu yang pada suatu masa telah diagung-agungkan oleh mereka adanya.